

Untuk Siaran Segera

**Rakam Semuanya—dari Rakaman Sudut Lebar 35.7mm* ke Zoom
35x- Tanpa Efek Kabur
HDC-HS60 / HDC-TM60 / HDC-SD60**

Kuala Lumpur, 3 Februari 2010 – Panasonic telah melancarkan tiga kamkoder HD Penuh (*Full HD*) terbaru dengan resolusi 1920 x 1080, yang mempunyai tahap resolusi tertinggi dalam pasaran kamkoder HD baru-baru ini. Rangkaian terbaru ini memberi keseronokan apabila membuat rakaman video menggunakan model HS60 / TM60 / SD60 yang direka kompak dan bergaya disamping mempunyai 35x zoom berkuasa dan lensa sudut lebar.

Model dengan reka bentuk kompak dan bergaya ini sesuai untuk sesiapa sahaja yang ingin kualiti imej HD yang menarik. Model hibrid HS60 merakam pada HDD 120-GB dan Kad Memori SDXC, SDHC atau SD. Model TM60 yang mempunyai memori berkembar merakam pada memori sedia ada 16GB dan pada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD. Model SD60 pula merakam pada Kad Memori SDXC, SDHC dan SD

Dengan saiz ultra kompak, kesemua model ini memaparkan 25x zoom optikal yang berkuasa. Fungsi Zoom Pintar yang berdasarkan Teknologi Resolusi Pintar baru yang membolehkan rakaman ultra telephoto 35x dengan efek yang jelas dan cantik. Walaupun apabila menggunakan zoom yang boleh menjadikan efek getaran tangan jelas kelihatan, fungsi POWER O.I.S. (Penstabil Imej Optikal) yang mempunyai kuasa pembetulan sebanyak lima kali dari sistem pembetulan biasa, boleh mengurangkan efek kabur dari vibrasi frekuensi rendah yang amat sukar untuk dikawal. Dengan tambahan mod Aktif, yang membolehkan pengguna merakam sambil berjalan, mengurangkan kekaburan memberi keputusan gambar yang jelas dan cantik walau digunakan pada apa-apa gaya rakaman, dari rakaman sudut lebar ke rakaman zoom.

Kesemua model terbaru ini mempunyai lensa sudut lebar 35.7mm* yang ideal untuk kebanyakan situasi rakaman seperti portrait sendiri, gambar kumpulan di dalam kawasan tertutup, dan rakaman lanskap di luar. Enjin dan sensor imej dan lensa yang menyokong model ini, resolusinya telah diperbaharui sebanyak 1.3 kali berbanding kamkoder biasa. Turut memaparkan piksel imej bergerak 2.1M yang efektif dan resolusi 1,080 garisan TV**. Teknologi Resolusi Pintar ini membolehkan ketiga-tiga model ini merakam gambar biasa dalam 5 megapiksel.

Fungsi popular iA (Auto Pintar) yang mengawal 6 fungsi lain : POWER O.I.S (Penstabil Imej Optik), Pengesan Auto Fokus/ Auto Pendedahan Cahaya, Pemilihan Pemandangan Pintar, Pengawalan Kontras Pintar, Pengesan Wajah, dan fungsi terbaru, Pengenal Pasti Wajah. Dengan satu sentuh butang, pengguna dapat merakam gambar yang cantik tanpa perlu risau tetapan yang sukar..

Teknologi terbaru ialah Penghalang Bunyi Angin yang telah diperbaharu dari fungsi sebelum ini, Penghalang Angin. Fungsi ini dapat mengenal pasti dan mengurangkan bunyi angin untuk mengekalkan bunyi semula jadi.

* bersamaan lensa 35mm.

"Video Penuh HD dengan piksel 1920 x 1080 " untuk kamkoder kegunaan rumah Panasonic merujuk kepada rakaman video dengan piksel 1,920 pada arah melintang dan piksel 1,080 arah menegak.

**Carta Resolusi ISO 12233

Beberapa Media Rakaman yang bersesuaian dengan Gaya Rakaman Individu

Model Rakaman Hibrid SD/HDD

(HS60 : hitam/ perak)

Model hibrid HS60 merakam imej HD penuh pada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD dan kapasiti besar HDD. Kamkoder ini mempunyai HDD 120 GB untuk rakaman selama 51 jam (dalam mod HE).

Apabila dirakam dengan Kad Memori SDXC 64 GB, kamkoder ini boleh merakam masa rakaman tambahan selama 27 jam dan 30 minit. Kamkoder ini juga boleh merakam dan menyalin imej video dari Kad Memori SDXC, SDHC atau SD ke cakera keras atau sebaliknya dengan operasi satu sentuh. Pengguna boleh memindah rakaman yang telah siap ke mana-mana media yang sesuai untuk kegunaan sendiri.

Model Rakaman dengan Memori Berkembar dengan Rakaman Berterusan

(TM60: hitam/ perak/ merah/ merah jambu/ emas)

Kamkoder Panasonic dengan memori berkembar merakam imej HD Penuh pada memori sedia ada atau pada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD dan memaparkan fungsi Rakaman Berterusan. Apabila memori sedia ada sudah habis digunakan, fungsi ini boleh menukar media rakaman kepada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD secara automatik, tanpa mengganggu rakaman yang sedang dijalankan. Contohnya apabila model TM60 dengan memori sedia ada 16GB ditambah dengan Kad Memori SDXC 64GB, ia mempunyai kapasiti simpanan sehingga 80 GB, membolehkan rakaman sehingga 34 jam dan 10 minit (dalam mod HE) tanpa gangguan. Apabila klip video dirakam berterusan telah dibahagikan kepada dua jenis media, data yang berada dalam lokasi yang berlainan boleh digabungkan dalam kamkoder dan disimpan pada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD. Data juga boleh digabungkan secara automatic apabila disalin pada cakera DVD menggunakan Alat Salinan DVD* sekaligus membolehkan ulang tayang.

Model TM60 mempunyai memori sedia ada 16 GB yang boleh merakam sehingga 6 jam dan 40 minit (dalam mod HE). Apabila digabungkan dengan Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD, ini membolehkan model-model ini merakam pada jangka yang lebih panjang.

Dengan kelebihan iaitu ringan dan kompak berbanding cakera keras, memori sedia ada ini juga tahan dari kesan impak untuk jaminan ketika menyimpan kamkoder dalam begasi apabila melancong.

* Kad Memori SDXC/SDHC/SD mesti mempunyai ruang secukupnya yang lebih besar dari data dalam memori sedia ada untuk digabungkan.

Model Rakaman Kad Memori SDXC/SDHC/SD

(SD60 : hitam / perak / merah / merah jambu / emas)

Model SD60 tahan kepada kesan impak kerana ia merakam pada Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD dan tiada mekanisma penggerak. Dengan gabungan saiz yang kompak, ia sangat ideal untuk rakaman sambil berjalan. Ia juga menyokong fungsi Paparan Imej VIERA supaya selepas rakaman, pengguna boleh menggunakan Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD dari model SD60 dan masukkan ke dalam slot kad pada TV Panasonic VIERA untuk ulang tayang pada skrin besar. Rakaman juga boleh dimainkan dengan Pemain Cakera Blu-ray** Panasonic

** Pemain cakera Blu-ray XX-XX.

• Model boleh didapati bergantung pada Negara dan kawasan. Format imej biasa JPEG boleh ditonton menggunakan alat pemain yang mempunyai slot Kad Memori .

Penerangan Ciri-Ciri

Enjin Kristal Pro [Terbaru] (Kesemua Model)

Kesemua model HD mempunyai Teknologi Resolusi Pintar juga didatangi dengan Kristal Enjin Pro yang boleh merakam imej bergerak yang lebih jelas dan terang dari kualiti imej HD penuh piksel 1920 x 1080. Fungsi ini juga mengurangkan warna berlebihan yang kerap berlaku pada tepi subjek untuk menghasilkan imej yang cantik. Fungsi Zoom Pintar membolehkan sehingga 35x zoom. Fungsi ini boleh membetulkan degradasi imej menggunakan zoom digital biasa untuk menghasilkan imej HD Penuh walaupun zoom pada tahap ekstrem. Teknologi Pengurangan Butiran (*Noise Reduction*) mengurangkan butiran apabila merakam dalam keadaan kurang terang, sementara Teknologi Resolusi Pintar menjadikan imej bergerak mempunyai warna yang cantik dan terang.

Apabila merakam imej biasa, teknologi penyisipan piksel dan Teknologi Resolusi Pintar bergabung untuk menghasilkan rakaman imej biasa 5 mega piksel yang berkualiti tinggi. Model ini juga mempunyai enjin pengimejan untuk rakaman HD Penuh piksel 1920 x 1080 untuk semua mod rakaman termasuk mod HE.

* Lebih kurang garisan TV 810. 1920 piksel melintang x 1080 pixel menegak.

Zoom Pintar 35x [Terbaru] (HS60 / TM60 / SD60)

Reka bentuk yang kompak, lensa kamkoder ini boleh merakam jarak rakaman dari sudut lebar 35.7mm* ke zoom optikal 25x. Zoom optikal memberi kepastian dalam menghasilkan imej menarik kerana ia tidak akan menjejaskan kualiti imej. Tambahan lagi, teknologi pemprosesan signal untuk memproses imej LSI mengaktifkan Teknologi Resolusi Pintar (*Intelligent Resolution Technology*) sekaligus membolehkan Zoom Pintar (*Intelligent Zoom*) memberi kesan kapasiti berkuasa sebanyak 35x. Ia juga dapat mencapai imej HD Penuh (*Full HD*) terang walaupun pada tahap zoom tinggi

*bersamaan lensa 35mm.

** Lebih kurang garisan TV 810. 1920 piksel melintang x 1080 piksel menegak.

POWER O.I.S. (Penstabil Imej Optik Berkuasa) [Terbaru] (Kesemua Model)

O.I.S. (Penstabil Imej Optik), yang menggunakan *gyrosensors* yang boleh mengesan getaran tangan dan melaras lensa pembetulan untuk menentukan paksi optikal dan mengurangkan kesan kabur telah diperbaharui. Apabila kamkoder dipegang, pergerakan akan menjadi perlahan pada frekuensi yang rendah kerana pernafasan pemegang atau sebab-sebab tertentu. Oleh itu, POWER O.I.S (Penstabil Imej Optik Berkuasa) boleh membetulkan kesan getaran tangan ini lima kali lebih dari fungsi O.I.S (Penstabil Imej Optik) biasa.

POWER O.I.S (Penstabil Imej Optik Berkuasa) juga mempunyai fungsi mod Aktif (*Active Mode*) untuk menghasilkan imej yang terang, jelas dan menarik dalam rangkaian rakaman sudut lebar, telefoto dan lain-lain lagi. Sistem optikal ini tidak akan menjejaskan kualiti imej dan sebagai keputusan, kualiti imej yang dirakam dari lensa akan sama walaupun dari jarak 35.7mm* hinggalah ke rakaman zoom yang paling berkuasa.

* bersamaan lensa 35mm.

Auto Pintar (*iA Intelligent Auto*) dengan Pengenal Pasti Wajah (*Face Recognition*) [Terbaru] (Kesemua Model)

Fungsi *iA* yang telah diperbaharui boleh memilih mod rakaman yang sesuai secara automatik dengan sentuhan satu butang. Fungsi Pengenal Pasti Wajah (*Face Recognition*) juga telah digabungkan bersama lima fungsi yang sedia ada dalam Auto Pintar (*iA Intelligent Auto*). Pengenal Pasti Wajah (*Face Recognition*) amat berguna untuk mengenal pasti individu dalam rakaman gambar berkumpulan. Fungsi ini memastikan wajah subjek yang telah didaftar akan mendapat fokus dan pendedahan cahaya yang sesuai secara automatik. Fungsi ini juga akan berterusan mengekori pergerakan subjek dalam bingkai LCD, memudahkan rakaman video. Sebanyak 6 wajah maksima yang boleh didaftar., Rakaman gambar dalam beberapa arah, sudut, ekspresi wajah yang berlainan dan keadaan rakaman amat berguna bagi mengenal pasti imej wajah seseorang itu. Indikasi sebanyak tiga nama boleh dipaparkan pada skrin LCD. Satu lagi fungsi yang menarik adalah Rakaman Senyuman (*Smile Shot*). Ia dapat merakam gambar subjek dengan wajah yang mempunyai senyuman secara automatik ketika rakaman imej bergerak. Ini memastikan pengguna tidak akan ketinggalan senyuman yang sempurna

• Fungsi yang terdapat dalam *iA* kemungkinan tidak dapat digunakan apabila situasi tidak memerlukan fungsi tersebut.

Lensa 35.7mm* Sudut Lebar [Terbaru] (Kesemua Model)

Lensa 35.7mm* sudut lebar amat berguna apabila merakam dalam kawasan tertutup atau di ruang sempit. Ia membolehkan rakaman jarak dekat dari subjek disamping memuatkan kedua-dua subjek dan kawasan sekeliling dalam bingkai kamkoder. Fungsi ini juga membolehkan rakaman suara subjek dirakam dengan jelas, yang merupakan elemen penting dalam rakaman video. Tetap sudut lebar terbaru boleh merakam imej menarik seperti lanskap luas dan sesebuah kumpulan untuk dimuatkan dalam bingkai, menjadikan kamkoder ini serba boleh untuk digunakan pada setiap situasi.

* bersamaan dengan lensa 35mm

Penghalang Bunyi Angin [Terbaru]

Penghalang Bunyi Angin yang telah diperbaharui dari fungsi Penghalang Angin Panasonic sebelum ini boleh mengesan dan mengurangkan bunyi angin secara automatik untuk mengekalkan bunyi semulajadi dengan efek suasana sebenar.

.Peluang Rakaman Gambar Secara Spontan menggunakan *Power-On Pantas 1.0-saat [Terbaru]**

Kamkoder akan dipasang atau dipadam apabila LCD dibuka atau ditutup. Ini membolehkan rakaman untuk bermula hanya 1.0 saat dari masa LCD dibuka.. Kepantasan kamkoder untuk merakam setelah dipasang membolehkan pengguna merakam saat-saat spontan dan peluang rakaman istimewa disamping menyimpan tenaga dengan hanya menutup LCD apabila tidak merakam. Mod *Quick Start*** membolehkan kamkoder dalam keadaan sedia (ON) apabila LCD terbuka atau tertutup. Apabila mod *Quick Start* digunakan bersama 1.0 saat *Power-On pantas (Quick Power On)*, kamkoder boleh mula merakam dalam masa 0.6 saat dari masa LCD dibuka. Ini berguna jika rakaman dibuat secara berselang seli. Selain itu, mod *Eco*** terbaru akan menutup kamkoder secara automatic jika kamkoder tidak digunakan selama lima minit, sekaligus menjimatkan penggunaan tenaga dan tenaga bateri.

*Apabila LCD dibuka dengan penutup lensa dialihkan dari lensa, bergantung pada keadaan rakaman, masa persediaan rakaman boleh melebihi 1.0 saat dalam mod rakaman imej gambar

** Rakaman pada Kad Memori SDXC/SDHC/SD atau memori sedia ada sahaja. Mod ini hanya boleh dipilih dari menu.

*** Tetapkan pad ON apabila dihantar dari kilang.

Operasi Skrin Sentuh (Kesemua Model)

Kesemua model mempunyai skrin sentuh dengan operasi mudah, hanya menggunakan penghujung jari untuk memilih ikon yang dipaparkan pada LCD. Pengguna boleh memilih beberapa fungsi dengan menggunakan skrin sentuh tanpa perlu mengalih pandangan terhadap subjek pada LCD

Fungsi Ulang Tayang Baru (*New Highlight Playback*) (Kesemua Model)

Fungsi Ulang tayang (*Highlight Playback*) direka untuk pengguna yang ingin melihat gambar yang telah direkod secepat mungkin. Sistem Indeks Pintar (I.I.S *Intelligent Index System*) mengesan efek zoom, *panning*, pertukaran suasana, wajah dan lain-lain lagi dalam sesebuah imej yang dikenali sebagai "*highlights*". Kemudian, ia akan mengulang tayang rakaman yang diinginkan secara automatik pada suatu tetapan masa. Ia juga membolehkan pengguna memilih muzik yang terdapat dalam kamkoder dan mainkan dengan video sebagai muzik latar belakang. Mod Ulang Tayang *Highlight Wajah (Face Highlight Playback)* juga boleh mengesan wajah yang telah didaftar dan memainkan rakaman tersebut dalam fungsi Pengenal Pasti Wajah Pengguna boleh memilih untuk menonton imej yang mempunyai beberapa wajah yang diigini.

LCD Kuasa Auto (Kesemua Model)

LCD Kuasa Auto boleh melaras kecerahan pad skrin LCD secara automatic mengikut persekitaran rakaman untuk kemudahan dalam setiap keadaan. Di tempat gelap, seperti dalam teater atau bilik, kecerahan skrin dikurangkan ke 1/3 dari tahap biasa supaya tidak mengganggu sesiapa yang berdekatan. Di tempat terang, kecerahan skrin bertambah ke dua kali ganda dari tahap biasa untuk memudahkan pengguna melihat imej walaupun di bawah cahaya matahari.

* Pelarasan manual juga boleh digunakan.

Rakaman Kelajuan Tinggi *Burst* 60 Bingkai/ Sesaat (*High Speed Burst Shooting*) (Kesemua Model)

Fungsi ini membolehkan kamkoder merakam sehingga 60 imej dengan 0.9 mega piksel berterusan sesaat yang bersamaan 180 imej berterusan dalam masa tiga saat. Ia boleh digunakan untuk memerhati pukulan golf, pukulan raket tennis atau subjek yang bergerak pantas. Pengguna boleh merakam gambar berterusan dan menyimpan gambar yang sempurna tanpa membuang yang lain.

Rangkaian

***VIERA Link* (Kesemua Model)**

Model-model kamkoder ini bersesuaian dengan *VIERA Link* Panasonic. Dengan menyambung ke TV *VIERA* menggunakan kabel mini HDMI, kamkoder ini boleh dikawal dengan alat kawalan jauh TV. TV *VIERA* menyokong paparan* 1920 x 1080p dan pengguna boleh menonton imej bergerak beresolusi tinggi

* Model boleh didapati berganding pada negara dan kawasan.

Rangkaian SD dengan *VIERA* dan Pemain cakera DVD Blu-ray™ (Kesemua Model)

Fungsi *VIERA Image Viewer* membolehkan pengguna menonton imej yang telah dirakam pada skrin besar *VIERA** Panasonic dengan memasukkan Kad Memori SD pada slot kad di TV. TV *VIERA* menyokong paparan 1920 x 1080p, imej bergerak resolusi tinggi dirakam pada 1080p mudah ditonton pada kualiti sebenar. Begitu juga untuk rakaman video yang boleh dimainkan menggunakan Alat Pemain cakera Blu-ray™* Panasonic

*Model ini boleh didapati bergantung pada negara dan kawasan. Format JPEG imej boleh ditonton menggunakan alat pemain yang mempunyai slot Kad Memori SD.

Pembetulan dan Arkib

Salinan Video Satu Sentuh ke DVD Menggunakan Format Tertentu dan Ulang Tayang Mudah (Kesemua Model)

Ramai orang yang menggunakan kamkoder mereka untuk tiga perkara: merakam, mencuba dan menyimpan rakaman video. Mereka juga mahu setiap perkara ini mudah dilakukan. Kamkoder ini dimuatkan dengan beberapa fungsi yang direka khas. Sebelum ini, salinan rakaman video dari Kad Memori SDXC/SDHC/SD atau pada cakera keras, cakera DVD, merupakan proses dua langkah yang memerlukan penghantaran data ke komputer dan dari komputer disalin pada cakera DVD.

Kamkoder ini memudahkan pengguna dengan fungsi satu sentuh yang terus boleh menyalin rakaman pada cakera DVD untuk storan dan ulang tayang mudah.

Dengan menyambung kamkoder ke alat salinan cakera DVD VW-BN2 (pilihan) Panasonic menggunakan kabel USB, rakaman video dapat disalin dengan mudah pada cakera DVD 12-cm (DVD-RAM/DVD-R/DVD-R DL/DVD-RW, +R/+R DL/+RW), Kad Memori SDXC,SDHC atau SD dan memori sedia ada. Kamkoder membolehkan pengguna memilih antara rakaman format AVCHD atau MPEG-2 mengikut keadaan sekitar semasa ulang tayang. Pilih format AVCHD untuk ulang tayang HD pada TV skrin besar menggunakan Pemain Cakera Blu-Ray atau Alat Salinan Cakera DVD. Atau pilih MPEG-2 untuk ulang tayang mudah menggunakan alat pemain DVD. Video arkib dan ulang tayang lebih mudah dengan fungsi ini.

One Button Dubbing (HS60 / TM60)

Video yang telah dirakam boleh disalin dari Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD ke HDD/memori sedia ada atau sebaliknya dalam kamkoder ini. Ini memudahkan penukaran media storan selepas rakaman. Pengguna mempunyai 3 pilihan untuk menyalin data : Salin kesemua imej biasa dan bergerak, Salin imej yang telah dipilih, dan salin data pada tarikh yang telah dirakam pada hari tersebut.

Selepas imej disimpan dalam Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD, pengguna boleh memasukkan kad ke dalam slot kad TV VIERA* Panasonic, atau pada Alat Pemain Cakera Blu-ray™ dan alami kenikmatan menonton skrin besar dengan Definasi Tinggi (HD).

* Model ini boleh didapati bergantung pada negara dan kawasan. Format JPEG imej boleh ditonton menggunakan alat pemain yang mempunyai slot Kad Memori SD.

Edit menggunakan Komputer

Setiap kamkoder didatangkan dengan “HD Writer AE 2.0” perisian komputer untuk mengedit (untuk Windows OS). HD Writer AE 2.0 mempunyai “Smart Wizard” yang bermula sebaik sahaja kamkoder dimasukkan ke bahagian USB pada komputer. Dengan mudah mengikut arahan pada skrin, walaupun sesiapa yang tidak pernah menggunakan perisian dengan mudah boleh membuat salinan klip video pada komputer atau cakera DVD tanpa gangguan semasa proses. Ia juga membolehkan muat-naik klip video dengan mudah ke dalam YouTube tanpa memerlukan sebarang proses yang sukar, dengan itu pengguna yang tidak berpengalaman boleh menghantar klip video ke dalam web.

Gabungan fungsi Pemilihan Rakaman Ulang Tayang Pintar (*Intelligent Shooting Selection Playback*), perisian ini akan mengesan dan membuang imej yang dirasakan tidak berguna oleh kamkoder ini seperti (imej kabur akibat getaran tangan, rakaman yang diambil bertentangan dengan lampu, dll). Gabungan ini juga menyimpan imej yang telah dipilih oleh kamkoder sebagai imej ‘highlight’ seperti (imej hasil dari zoom, pertukaran suasana, dll). Perisian ini membolehkan pengguna memilih fail imej yang tertentu untuk dipindahkan ke Komputer dan pengguna tidak perlu risau untuk memindahkan kedua-dua fail imej yang diingini dan yang tidak diingini pada pemindahan data automatik.

HD Writer AE 2.0 dapat mengenal pasti fail imej yang telah dimasukkan ke dalam komputer, jadi pengguna tidak perlu risau tentang memasukkan fail yang sama sekali lagi. Fungsi ini berguna apabila pengguna telah merakam sejumlah besar data pada cakera keras atau memori sedia ada dan muat naik beberapa kali. Apabila menyalin imej pada cakera DVD, pengguna boleh memilih format AVCHD HD Penuh (*Full HD*) atau format DVD-Video. Guna AVCHD untuk imej yang akan ditonton menggunakan Pemain Cakera Blu-ray™ dan DVD-Video (definasi biasa) untuk cakera yang boleh dimainkan pada Pemain cakera DVD. Data imej juga boleh dipindahkan ke komputer Apple Mac untuk dibetulkan (*edit*) dengan iMovie

*YouTube dan logo YouTube adalah hakcipta terpelihara YouTube LLC

Spesifikasi

Harga Jualan Sebenar pada:

HDC-HS60 RM2,999.00 (hitam, perak)

HDC-TM60 RM2,299.00 (hitam, perak, merah, merah jambu, emas)

HDC-SD60 RM1,999.00 (hitam, perak, merah, merah jambu, emas)

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Siaw Yee Yen
Eksekutif Produk (Kamkoder)
Imej Digital Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7690 Fax: 03-7955 2848 Mobil : 012-385 3808
Emel: yeeyen.siaw@my.panasonic.com

###